

# UMS tidak pernah halang perayaan dalam kampus

NST 12.11.2014 10

**KOTA KINABALU:** Pihak Universiti Malaysia Sabah (UMS) tidak pernah menghalang kakitangan atau para pelajar untuk menganjurkan sebarang aktiviti perayaan di dalam kampus.

“Selain sebagai satu usaha untuk mengukuhkan budaya warisan turun-temurun, ia juga bagi meningkatkan jati diri dan mengangkat nilai moral warga kampus mengikut anutan dan kepercayaan agama masing-masing,” kata Naib Canselornya Prof Datuk Dr

Mohd Harun Abdullah

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar yang menyatakan bahawa UMS menghalang perayaan Krismas disambut di dalam kampus, pihak universiti dengan rendah diri menafikannya dan menyifatkan ia sebagai satu kesalahfahaman.

“Dari segi kronologinya, cadangan sambutan Perayaan Krismas ini telah awal mendapat kelulusan yang menyaksikan pihak UMS sendiri turut

menyediakan bajet untuk pelaksanaannya,” tegasnya.

Beliau berkata pihak UMS turut menyokong hasrat pelajar yang inginkan penganjurannya dibuat secara meriah melibatkan komuniti setempat seiring dengan usaha ke arah merakyatkan universiti.

Sehubungan itu, pihak UMS memberi pilihan sama ada sambutan tersebut diadakan di luar kampus bagi memudahkan kehadiran ramai pengunjung tanpa perlu menghadapi kesesakan lalu lintas

dan ruang tempat letak kereta yang terhad.

Sesungguhnya, setiap aktiviti yang ingin dianjurkan akan mendapat kelulusan selagi tertakluk kepada peraturan-peraturan universiti.

Pihak UMS juga mengalu-alukan agar sebarang keraguan isu dan persoalan boleh diajukan secara terus kepada pihak pengurusan universiti melalui emel [BPK@ums.edu.my](mailto:BPK@ums.edu.my) atau talian 088-320000 sambungan 1017/1650/1021.